

Untuk Siaran Segera

Panasonic dan RealD Mengumumkan Penggabungan Teknologi 3D

*Panasonic Menyepadukan Teknologi dari RealD untuk Pemandangan 3D dan TV
VIERA® 3D*

Petaling Jaya, 25 Mac 2009 – Panasonic, peneraju dalam pasaran dan teknologi bagi pengguna Definisi Tinggi dan produk elektronik digital, dan RealD, pemimpin global di dalam teknologi 3D untuk pawagam, rumah, dan applikasi profesional, hari ini mengumumkan penggabungan teknologi yang membolehkan pengguna yang membeli TV VIERA Panasonic Definisi Tinggi (HD) Penuh 3 Dimensi (3D) dapat berhibur dengan menonton Definisi Tinggi Penuh 3D yang dilengkapi Teknologi Shutter Gelas Aktif RealD dan kandungan 3D yang menggunakan Format stereoskopik RealD. Kedua-dua syarikat ini akan bekerjasama untuk menilai teknologi generasi seterusnya yang dapat memberi pengguna menikmati kualiti yang lebih tinggi di dalam tontonan 3D.

“Dengan gabungan Teknologi panel 3D hak milik Panasonic, dan Teknologi RealD untuk Pemandangan 3D boleh menghasilkan pengalaman Definisi Tinggi Penuh 3D yang unik bagi pengguna yang memiliki TV 3D VIERA,” kata Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Jeff Lee. “Kami rasa gembira dapat memberi pengalaman yang memuaskan kepada pengguna TV Definisi Tinggi Penuh 3D di mana penyiaran 3D nya ditampung dan dijanakan oleh Format RealD.”

“Format RealD digabungkan dengan RealD - VIERA HD TV Panasonic dapat memberikan akses global kepada semua isi kandungan definisi tinggi 3D dengan menggunakan *HD set-top box*.” tambah Jeff. “Gabungan dua syarikat ini dalam menghasilkan teknologi 3D akan membuka ruang kepada era baru yang memberikan pilihan hiburan menarik untuk para pengguna di rumah.”

Format RealD adalah versi hak milik yang seiring dengan format 3D yang menggunakan teknologi unik bagi menggabungkan pandangan imej 3D pada mata kiri dan kanan (*multiplex*) kepada satu aliran imej. Format RealD dapat menyiarkan isi kandungan 3D ke mana-mana paparan 3D dengan menggunakan infrastruktur HD terkini.

Dengan hubungan perkongsian teknologi ini, kedua-dua syarikat mensasarkan untuk maju dengan lebih pantas untuk meluaskan lagi TV Definasi Tinggi Penuh 3D pada tahun ini sekaligus memberi pengalaman 3D yang lebih berkualiti tinggi kepada para pengguna di seluruh dunia.

Mengenai RealD

RealD adalah pemimpin global di dalam teknologi 3D untuk *theatre* (*teater*), rumah dan aplikasi profesional. Generasi terbaru teknologi pawagam

Teknologi pawagam 3D generasi terbaru RealD telahpun digunakan pada 9,500 skrin yang sedia ada dan 4,800 skrin yang telah dipasang di 48 buah negara dengan 300 rakan pameran. serata dunia.

RealD adalah pencipta dan penyedia teknologi stereoskopik diseluruh dunia. Teknologi ini digunakan dalam sains, bidang pembuatan, bidang pamarasan, dan pelbagai industri lain yang telah terbukti dengan lebih 30 tahun pengalaman di dalam pembangunan sistemnya. Misi RealD dalam teknologi 3D ini telah digunakan oleh pelbagai organisasi seperti NASA, Pfizer, BMW, Boeing dan banyak lagi.

www.RealD.com

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Ho Lip Kee
Pakar Produk,
Pengurus, Digital Audio Visual
Tel: 03 7809 7686 Mobile: 012 3866788
Email: lipkee.ho@my.panasonic.com